

R B279 AAB

MAHATHIR (ULANGAN PEMBETULAN UNTUK MENGGANTIKAN BERITA AWAL) R R
R R R

(I)

JOHOR BAHRU, 28 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA UNDANG-UNDANG TIDAK HARUS DIGUNAKAN SEBAGAI ALAT UNTUK MENGHALANG USAHA-USAHA PEMBANGUNAN KERAJAAN.

+JIKA NEGARA INI INGIN MAJU, UNDANG-UNDANG TIDAK HARUS DIGUNAKAN UNTUK MENGECEWAKAN LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIJALANKAN TERUTAMA OLEH KERAJAAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI DI AKHIR LAWATAN DUA HARI KE NEGERI INI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI INGATANNYA KEPADA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA MENGELAKKAN DIRI DARIPADA MEMBUAT PENDIRIAN MEREKA SECARA TERBUKA MENGENAI ISU-ISU TERTENTU KERANA BN MEMPUYAI SALURAN TERTENTU UNTUK MEMBINCANGKANNYA.

+SEJAK 40 TAHUN LEPAS, BN DAN SEBELUMNYA, PERIKATAN, DAPAT MENGATASI HAMPIR KESEMUA ISU MELALUI RUNDINGAN DAN SAYA TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB MENGAPA ISU-ISU YANG ADA SEKARANG TIDAK BOLEH DISELESAIKAN CARA ITU.+ -- LAGI

1430MST 28 08 87

MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

SEMASA MENJAWAB SATU PERTANYAAN, BELIAU BERKATA BN TIDAK MEMPUYAI RANCANGAN UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG MEMBUAT KENYATAAN SECARA TERBUKA. BELIAU SEBALIKNYA BERKATA GESAAN YANG DIBUATNYA DI ALOR SETAR DUA MINGGU LALU SUPAYA +POLITICKING+ YANG BERLEBIH-LEBIHAN DI ATASI, TELAH MENDATANGKAN KESAN YANG BAIK.

BELIAU BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA BN HARUS MENGELAKKAN DIRI DARIPADA MENGGUNAKAN ISU-ISU POLITIK DAN YANG REMEH-TEMEH BAGI +MENENANGKAN KEADAAN+ DAN SEBALIKNYA MENERUSKAN USAHA MEMBANTU MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGULANGI INGATAN ITU PADA PERJUMPAAN BERASINGAN DENGAN KETUA-KETUA UMNO BAHAGIAN DI NEGERI INI SEMALAM DAN PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH DENGAN PANJANG LEBAR ISU KUTIPAN TOL TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN +MASALAH+ YANG DILAPORKAN ANTARA KERAJAAN SELANGOR DARUL EHSAN DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGENAI CADANGAN MENGADAKAN KUTIPAN TOL DI LEBUH RAYA PERSEKUTUAN LALUAN DUA.

+TIDAK BERLAKU KONFLIK ... PERKARA ITU BOLEH DISELESAIKAN ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN,+ -- LAGI

1340MST 28 08 87

U B271 AAB

MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU

(I)

PERDANA MENTERI MENOLAK DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN SELANGOR MENGAMBIL PENDIRIAN TEGAS MENGENAI CADANGAN KUTIPAN TOL ITU DAN MENAMBAH KATA BELIAU TELAH MENERIMA SURAT DARIPADA MENTERI BESAR BERKENAAN, DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU.

+KITA AKAN MENGAJAI (SURAT ITU) DAN AKAN MENYELESAIKAN PERKARA ITU DAN TIDAK ADA MASALAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA SISTEM TOL UNTUK LEBUH-LEBUH RAYA BARU DI NEGARA INI ADALAH PERLU.

+ORANG RAMAI PERLU MEMBAYAR UNTUK JALAN-JALAN INI...TIDAK ADA KEMUDAHAN PERCUMA. SEMUA KEMUDAHAN HARUSLAH DIBAYAR OLEH ORANG RAMAI YANG MENGGUNAKANNYA.+

+PERSOALAN YANG TIMBUL IALAH SIAPA YANG PERLU MEMBAYAR. OLEH ITU, SAYA AKAN MENERANGKANNYA MALAHAN, SAYA TELAH PUN BERBUAT DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN LEBUH RAYA SENAWANG-AIR KEROH (BARU-BARU INI).+ -- LAGI

1356MST 28 08 87

D178

U B276 AAB
MAHATHIR 4 JOHOR BAHRU

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN BERCADANG MENGHAPUSKAN KUTIPAN TOL DAN MEMASUKKAN BAYARAN ITU DALAM CUKAI JALAN, BELIAU BERKATA: +IA BOLEH DILAKSANAKAN JIKA ANDA MAHU ORANG RAMAI YANG TIDAK MENGGUNAKAN LEBUH RAYA ITU MEMBAYAR BAGI MEREKA YANG AKAN MENGGUNAKANNYA.+

+BAGI MENDAPATKAN BAYARAN UNTUK LEBUH-LEBUH RAYA, PERTAMBAHAN DALAM CUKAI JALAN JUGA AKAN MENAJDI KIRA-KIRA SEKALI GANDA. JIKA MEREKA (ORANG AWAM) SEDIA MEMBAYAR SEKALI GANDA ATAU 10 SEN LAGI BAGI SETIAP LITER PETROL, KAMI BOLEH MELAKUKANNYA.+

BELIAU MENAMBAH PASTI ADA BANTAHAN JIKA KERAJAAN-MENYATAKAN ORANG RAMAI PERLU MENAMBAH 10 SEN BAGI SETIAP LITER PETROL.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMPUYAI RANCANGAN UNTUK MEMBINA JALAN-JALAN BARU SEBAGAI LALUAN ALTERNATIF KEPADA LEBUH-LEBUH RAYA. JIKA ADA LALUAN ALTERNATIF SEUMPAMA ITU, IA IALAH JALAN-JALAN YANG SEDIA ADA.

+JIKA LALUAN SEUMPAMA ITU TIADA, KERAJAAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYEDIKANNYA.+ -- LAGI
1419MST 28 08 87

D181

U B278 AAB
MAHATHIR 5 JOHOR BAHRU

MENGENAI SARANAN BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN BAHAWA UMNO TIDAK SEHARUSNYA MENCEBURI PERNIAGAAN DAN SEBALIKNYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA POLITIK, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYOKONG PENDAPAT ITU JIKA +ADA ORANG YANG SANGGUP MEMBERIKAN \$360 JUTA BAGI PEMBAYARAN BANGUNAN IBU PEJABAT UMNO+.

KATANYA, UMNO TELAH LAMA MENCEBURI PERNIAGAAN KERANA PERLU MENGUMPUL WANG.

MENURUTNYA, UMNO BOLEH MENGUTIP DERMA DARIPADA ORANG RAMAI TETAPI TIMBUL PULA TOHMAHAN YANG MENYATAKAN UMNO MENERIMA RASUAH DAN INI ADALAH SALAH. -- BERNAMA
1425MST 28 08 87